

D634

U B198 AAB

UMNO - AIDS

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERPENDAPAT BAHAWA PENYAKIT AIDS YANG SEDANG MENYERANG UMAT MANUSIA MERUPAKAN BALASAN TUHAN TERHADAP UMATNYA YANG TELAH MENYIMPANG KEPADA JALAN YANG SALAH.

PRESIDEN UMNO ITU BERKATA TUHAN PERNAH PADA SATU KETIKA MENGHAPUSKAN MASYARAKAT SODOM YANG MEMPUNYAI TABIAT GEMAR MELAKUKAN HUBUNGAN SEJENIS SEHINGGA MEREKA TIADA MEMPUNYAI ZURIAT LAGI.

KAUM SODOM HILANG DARIPADA DUNIA SETELAH PERKAMPUNGAN MEREKA MUSNAH DALAM GEMPA BUMI YANG AMAT DAHSYAT.

PENYAKIT AIDS PENYAKIT YANG TIDAK BOLEH DISEMBUHI DAN IA BERPUNCA DARIPADA TABIAT MANUSIA MELAKUKAN HUBUNGAN SEJENIS.

KINI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR PENYAKIT AIDS MENGHINGGAPI LEBIH SEJUTA RAKYAT AMERIKA SYARIKAT DAN PADA MASA YANG SAMA MENJALAR KEPADA BEBERAPA BUAH NEGARA ISLAM YANG SEPATUTNYA TIDAK SEHARUSNYA WUJUD SAMA SEKALI.

SEMASA BERCAKAP SEBAGAI SEORANG DOKTOR PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI, PRESIDEN UMNO DAN PERDANA MENTERI BERKATA BIASANYA APA JUA PENYAKIT DAPAT DISEMBUHI MENERUSI KETAHANAN DIRI YANG ADA PADA SESEORANG DENGAN DIBANTU OLEH UBAT-UBATAN. -- LAGI.

1621MST 29 09 85

UMNO - ADIS 2 KUALA LUMPUR

TETAPI BAGI PENYAKIT AIDS, KATANYA, SESEORANG YANG DIHINGGAPI TIDAK MEMPUNYAI KETAHANAN DIRI LAGI DAN DIA TENTU AKAN MAUT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI RAKYAT MALAYSIA AGAR MENGHINDARI PERBUATAN-PERBUATAN YANG BOLEH MENYEBABKAN MEREKA DIHINGGAPI PENYAKIT ITU.

BELIAU JUGA MENYENTUH PERBUATAN MENYENTUH PESAKIT OLEH PARA DOKTOR TERMASUK DOKTOR-DOKTOR BERAGAMA ISLAM.

BELIAU BERPENDAPAT TIDAKLAH SALAH BAGI MEREKA BERBUAT DEMIKIAN ASALKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBANTU MENYEMBUHKAN PENYAKIT YANG DIHADAPI OLEH PESAKIT BERKENAAN. -- BERNAMA.

1622MST 29 09 85